

Tataetika

Tataetika ini ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di bawah seksyen 406 dalam Akta Sarbanes Oxley 2002, undang-undang Suruhanjaya Sekuriti dan Tukaran (Securities and Exchange Commission) yang ditubuhkan di bawahnya, dan undang-undang Penyenaraian Pasaran Saham (Stock Market Listing) NASDAQ dan terpakai kepada semua pekerja, dan pegawai serta pengarah Lam Research Corporation (“Syarikat”). Ia mengandungi standard memadai yang diperlukan untuk menggalakkan: amalan jujur dan beretika, termasuk pengendalian beretika bagi konflik kepentingan yang sebenar atau yang kelihatan antara perhubungan peribadi dan profesional; penuh, adil, tepat, tepat masa, dan pendedahan yang wajar dalam laporan berkala yang perlu diisi oleh pengeluar dan dalam komunikasi awam lain; dan pematuhan dengan undang-undang, peraturan dan perundangan kerajaan yang terpakai.

Anda mesti:

1. Bertindak dengan jujur dan berintegriti, secara beretika mengendalikan konflik kepentingan yang sebenar atau yang kelihatan antara perhubungan peribadi dan profesional.
2. Mengeluarkan atau menyebabkan pengeluaran, pendedahan yang penuh, adil, tepat, tepat masa dan wajar dalam laporan dan dokumen yang difailkan atau diserahkan oleh Syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Tukaran dan dalam komunikasi awam yang lain.
3. Mematuhi undang-undang, peraturan dan perundangan kerajaan yang terpakai.
4. Melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran Tataetika ini kepada jabatan undang-undang Syarikat.

Anda akan dianggap bertanggungjawab atas pematuhan terhadap Tataetika ini. Kegagalan anda untuk mematuhi terma Tataetika ini mungkin membawa kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan anda dengan serta merta. Pelanggaran yang dilaporkan atau disyaki terhadap Tataetika ini akan ditangani menurut Piagam Program Etika dan Pematuhan Syarikat, termasuk peruntukan antipembalasan.

Sebarang permintaan oleh anda untuk mengecualikan sebarang peruntukan Tataetika ini mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada jabatan undang-undang Syarikat, yang seterusnya akan mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk menghantar permintaan yang bersesuaian kepada Ketua Etika dan Pegawai Pematuhan Syarikat atau Lembaga Pengarahnya.

Berkenaan pegawai kewangan kanan, pegawai eksekutif lain dan ahli Lembaga Pengarah, pihak Lembaga dan Jawatankuasa Audit, atau salah seorang daripada mereka akan mempunyai kuasa budi bicara penuh, , untuk meluluskan sebarang pengecualian daripada Kod Etika ini. Sebarang pengecualian untuk pegawai kewangan kanan, pegawai eksekutif lain atau ahli Lembaga Pengarah daripada Tataetika ini, dan alasan untuk pengecualian berkenaan, akan didedahkan dalam masa empat hari bekerja pada Borang 8-K di laman web Syarikat atau dengan sebarang cara lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Tukaran serta peraturan Penyenaraian Pasaran Saham NASDAQ. Bagi tujuan Tataetika ini, istilah “pegawai kewangan kanan” merujuk kepada pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan dan pegawai perakaunan utama (atau, jika tiada pegawai sedemikian, pengawal), dan individu yang melaksanakan fungsi yang serupa, dan istilah “pegawai eksekutif” merujuk kepada individu yang merupakan “pegawai” dalam Syarikat bagi tujuan Peraturan 16a-1(f) di bawah Akta Sekuriti dan Tukaran.